

**DATO' KELANA SUNGAI UJONG**, penghulu adat bagi luak Sungai Ujong di Negeri Sembilan. Gelaran penuh Dato' Kelana ialah Dato' Kelana Putera. Gelaran asal Penghulu Menteri. Menurut legenda, institusi Dato' Kelana berasal daripada watak mitos, Bendahara Sekudai yang dikatakan keturunan Sultan Johor dan Puteri Mayang Selida.

Penghulu Sungai Ujong dikatakan pernah bernaung di bawah Kesultanan Melaka. Sungai Ujong diletakkan di bawah penguasaan Tun Perak sewaktu dia menjadi penghulu di Kelang (1445–1458). Gelaran Dato' Kelana diper-  
caya anugerah Yamtuan Muda Riau, berketurunan Bugis yang memakai gelaran Kelana Jaya Putera. Orang Bugis pernah menyerang Sungai Ujong pada abad ke-18.

Tradisi pelantikan mengikut giliran antara waris di hulu dengan waris di hilir bermula selepas Dato' Kelana Bahi. Tidak ada sebarang maklumat tentang hubungan Dato' Kelana Bahi dengan penghulu-penghulu sebelumnya. Dato' Kelana Bahi dikatakan berasal daripada waris di hilir, sedangkan Dato' Kelana Leha daripada waris di hulu. Dato' Kelana Bahi mewarisi jawatan penghulu daripada keturunan sebelah bapa sedangkan Dato' Kelana Leha daripada keturunan sebelah ibu. Sistem pelantikan mengikut giliran dipatuhi meskipun tidak sepenuhnya. Tradisi pelantikan menurut giliran antara kedua-dua waris bermula pada awal abad ke-18, apabila timbul per-  
balahan antara penyokong adat perpatih dengan adat temenggung. Keadaan tersebut mencetuskan peperangan saudara antara Dato' Kelana Bahi dengan Dato' Kelana Kawal yang menuntut hak sebagai pewaris daripada nasab sebelah ibu. Dato' Kelana Kawal mengalahkan Dato' Kelana Bahi dan dilantik sebagai Dato' Kelana di samping

berkompromi dengan memperkenalkan sistem giliran antara waris kedua-dua pihak bagi pelantikan Dato' Kelana seterusnya.

Lembaga pemilih terdiri daripada tiga orang, iaitu wakil daripada waris di hilir (Dato' Maharaja Lela), wakil daripada waris di hulu (Dato' Johan) dan pihak ketiga yang dipilih kerana umurnya, keadilan serta pengetahuannya tentang selok-belok adat. Ketiga-tiga pihak harus sebulat suara dalam menentukan calon pengganti. Setelah bakal pengganti diputuskan, Dato'-Dato' Lembaga Tiang Balai akan mengumumkannya kepada rakyat. Sekiranya lembaga pemilih tidak sepakat, Dato'-Dato' Lembaga Tiang Balai akan memilih calon mereka sendiri.

Dato' Kelana mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan pelantikan Yamtuan Besar Seri Menanti. Contohnya, apabila Yamtuan Radin meninggal dunia pada tahun 1861, takhta Yamtuan telah menjadi rebutan antara Tengku Antah dengan Raja Alang Sohor, anak Yamtuan Beringin. Dato' Kelana Sendeng mengetuai Dato' Undang berempat telah menolak kedua-dua calon dan melantik Yamtuan Imam. Dato' Kelana bertindak sebagai wakil kerajaan. Pada zaman dahulu, apabila Yamtuan meninggal dunia, Dato' Kelana menghantar wakil ke Siak untuk mencari pengganti. Tradisi tersebut telah dihapuskan oleh Dato' Kelana Kawal. Pada hari ini, Dato' Kelana Sungai Ujong yang menamakan pengganti Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan secara rasmi. Dia bertindak sebagai ketua kepada Dato' Undang berempat, tonggak negeri, ketua dan jurubicara mereka.

Secara tradisi, Dato' Kelana mempunyai kuasa mutlak ke atas jajahannya. Dia juga ketua kepada sistem perundangan dalam negeri. Menurut Undang-undang Tu buh Negeri (1773), Dato' Kelana tidak dianggap berkeadilan kerana ketua tertinggi ialah Yamtuan Seri Menanti. Walau bagaimanapun, Sungai Ujong enggan mengiktiraf kekuasaan Yamtuan selepas kematian Yamtuan Imam pada tahun 1869 dan mengekalkan autonominya di bawah perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1898. Semua masjid dan kadi dalam jajahan Sungai Ujong bertanggungjawab terus kepada Dato' Kelana. Sebagai ketua waris, Dato' Kelana diperuntukkan sebahagian besar daripada hasil negeri. Dia juga berhak ke atas semua hasil percukaian dan denda di bawah undang-undang adat dan agama. Cukai import dan eksport bijih timah dan barang dagangan lain yang dikutip di Sungai Linggi dibahagi-bahagikan antara Dato' Kelana, Dato' Bandar dan Dato' Muda Linggi. Cukai yang dikutip di jalan pengangkutan sungai selain Sungai Linggi dibahagi dua antara Dato' Kelana dan Dato' Bandar.

Ménurut tafsiran tradisi, Sungai Ujong adalah di bawah jagaan Dato' Kelana dan Dato' Bandar. Perkongsian kuasa bermula semasa pemerintahan Dato' Kelana Kawal, ekoran perbalahannya dengan Dato' Bandar berhubung kutipan cukai dan bidang kuasa yang bertindih antara kedua-dua pihak. Yamtuan Radin telah dijemput untuk menyelesaikan perbalahan tersebut. Kedua-dua pihak akhirnya bersetuju untuk sama-sama memerintah Sungai Ujong. Walau bagaimanapun, perbalahan sering timbul antara kedua-dua institusi sebagaimana yang berlaku pada masa pemerintahan Dato' Kelana Syed Aman.

Campur tangan British (1874) telah menyelesaikan perbelihan tersebut dengan membahagikan hasil negeri antara kedua-dua pihak secara sama rata.

Pada masa kekuasaan Johor, institusi Dato' Kelana yang masih bergelar Penghulu Menteri menghantar persembahan bunga mas yang disebut sebagai 'masmanah' kepada Sultan Johor. Pada masa pemerintahan Minangkabau, Dato' Kelana dikehendaki menghantar persembahan kepada Yamtuan Besar di samping hadiah kerbau dan persembahan lain dalam upacara perkahwinan diraja dan upacara berkhatan putera raja. Adat tersebut dihentikan apabila Sungai Ujong bebas daripada pemerintahan pusat di Seri Menanti, iaitu sewaktu Tengku Antah ditabalkan sebagai Yamtuan pada tahun 1872. Perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1898 antara Yamtuan Besar Seri Menanti, Tunku Muhammad, dengan Dato' Undang berempat melalui perantaraan pihak British, sekali lagi meletakkan Sungai Ujong di bawah naungan Seri Menanti. Perubahan ini tidak mengubah peraturan tersebut. Masmanah hanya dibayar secara tidak langsung daripada hasil kutipan cukai negeri dan hadiah persembahan daripada Dato' Kelana kepada Seri Menanti adalah dalam bentuk yang formal dan dalam upacara yang khusus.

Sesuai dengan kedudukannya sebagai ketua jajahan, Dato' Kelana berkenan menerima kunjungan orang besar adat yang disebut sebagai upacara menghadap. Biasanya, ketua-ketua adat waris di darat termasuk Dato'-Dato' Lembaga Tiang Balai dan tua-tua waris menghadap Dato' Kelana pada hari pertama Hari Raya Puasa. Kini, setelah kerajaan menyediakan Balai Undang sebagai kediaman rasmi Dato' Kelana, upacara menghadap diadakan pada hari kedua Hari Raya Puasa. [lih j. DATO' BANDAR SUNGAI UJONG, DATO' MUDA LINGGI]